

**NO. SOALAN: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017**

**RUJUKAN : 10248**

**SOALAN :**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa kelulusan pendaftaran Pakatan Harapan dan logo Pakatan Harapan dilambatkan. Apakah syarat dan kriteria tambahan yang diperlukan oleh ROS.**

19

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) bertanggungjawab untuk meneliti setiap permohonan pendaftaran parti politik dengan terperinci bagi memastikan aspek keselamatan dan kepentingan awam adalah terpelihara. JPPM tidak mengenakan sebarang kriteria atau syarat tambahan ke atas permohonan tersebut dan permohonan tersebut adalah masih dalam pertimbangan Jabatan berkenaan.

**SOALAN ( 13 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017  
[ ISNIN ]**

**DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK  
[ KUALA PILAH ]**

**SOALAN :**

**YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK [ KUALA PILAH ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berikutan usaha murni Kerajaan dalam memperkenalkan BR1M, Perumahan Rakyat 1Malaysia dalam usaha membantu golongan bawahan, apakah tindakan ataupun perancangan diambil oleh Kerajaan bagi membantu golongan peringkat pertengahan dalam sudut kehidupan seharian, pendidikan anak-anak, perlindungan kesihatan dan hari tua, kerana golongan ini turut menerima kesan yang besar daripada peningkatan kos sara hidup ditambah lagi menetap di kawasan bandar.

21

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membantu pelbagai golongan yang menerima kesan daripada peningkatan kos sara hidup, maka Kerajaan akan meneruskan prinsip dan pendekatan pembangunan secara inklusif dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Bagi membantu golongan ini dalam kehidupan mereka seharian, di antara inisiatif yang diambil oleh Kerajaan, tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi dan kedudukan geografi dalam aktiviti ekonomi adalah;

Pertama: **Meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah golongan peringkat pertengahan** dengan memastikan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran tinggi, meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden, meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi serta meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu.

Kedua: **Menangani kos sara hidup yang meningkat** dengan memperkukuhkan pemantauan dan penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga, meningkatkan penyediaan rumah mampu milik, meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan, memperkenalkan sistem jaringan perlindungan sosial yang bersepadu dan komprehensif serta meningkatkan program pengurusan kewangan dan hutang.

Ketiga: **Meningkatkan sokongan bersepadu kepada golongan usahawan** dalam kalangan golongan peringkat pertengahan dengan menyediakan program sokongan keusahawanan kepada usahawan mikro, kecil dan sederhana di bandar dan luar bandar khususnya dalam aspek kewangan, pemasaran dan penggunaan teknologi terkini. Ini adalah bagi mewujudkan usahawan yang berdaya tahan.

Keempat: **Meningkatkan kesedaran rakyat akan simpanan di hari tua** di mana Kerajaan sedang mempromosi Skim Persaraan Swasta dan Skim Persaraan 1Malaysia sebagai satu bentuk pelaburan dan persediaan, dan memperkenalkan pelbagai kaedah insurans dan koperasi sebagai salah satu sumber penjanaan kewangan di hari tua. Kesedaran terhadap semua peringkat rakyat iaitu kategori individu yang tidak

23

mempunyai skim simpanan persaraan secara formal adalah amat penting yang bertujuan memberikan perlindungan kepada individu yang tidak mempunyai pendapatan tetap apabila mereka mencapai usia tua.

**Kelima: Penyediaan perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti.**

**Ketujuh: Pendekatan fiskal ke arah menambah pendapatan boleh guna bagi golongan peringkat pertengahan- M40** iaitu had pelepasan cukai bagi setiap anak berumur di bawah 18 tahun, digandakan daripada RM1000 kepada RM2000 mulai taksiran 2016, pelepasan cukai bagi pembayar individu yang pasangannya tidak mempunyai pendapatan dinaikkan daripada RM3000 kepada RM4000. Juga pelepasan cukai sehingga RM5000 setahun bagi tujuan perubatan dan penjagaan terhadap hanya kepada ibubapa yang sakit serta pelepasan cukai terkumpul sebanyak RM1500 untuk ibu dan RM1500 lagi untuk bapa.

Adalah menjadi harapan Kerajaan supaya semua inisiatif ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua golongan rakyat yang terbabit bagi meningkatkan mutu kehidupan mereka.

Sekian, terima kasih.

23 Oktober 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO LEUNG**  
**TARIKH : 23.10.2017**  
**SOALAN : NO. 14**

**Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kegagalan menubuhkan universiti penyelidikan dan pembangunan (R&D) teknologi tinggi di Alor Setar yang BN janjikan dalam manifesto PRU13 Kedah, untuk membangunkan Alor Setar menjadi Bandaraya Metropolis, tumpuan ilmu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mahupun cawangannya dibuat berdasarkan keperluan strategik negara dengan mengambil kira pelbagai aspek seperti kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujahan tertentu terhadap pembangunan sosioekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja.

Pada masa ini, infrastruktur sedia ada adalah mencukupi bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran iaitu dua (2) buah universiti awam (UA) dan cawangannya, dua (2) buah politeknik, sembilan (9) buah kolej komuniti dan sepuluh (10) buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) di Kedah sahaja.

Bagi IPTS pula, penubuhannya adalah berdasarkan permohonan daripada pihak yang berminat. Lokasi adalah bergantung kepada pemohon dan kebiasaannya IPTS akan terarah untuk ditubuhkan di kawasan yang telah mempunyai infrastruktur seperti kemudahan pengangkutan yang menyokong kepada ekosistem pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesebuah Universiti yang berhasrat untuk menjadi universiti penyelidikan perlu mempunyai budaya penyelidikan yang kukuh dan menunjukkan rekod prestasi cemerlang dalam aktiviti penyelidikan. Ini adalah kerana peranan sebagai sebuah universiti penyelidikan adalah untuk menghasilkan modal intelektual, ilmu baharu dan juga teknologi berinovatif di samping melahirkan graduan untuk memenuhi keperluan bakat bagi memenuhi keperluan tenaga kerja negara.

Untuk tujuan tersebut, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah membangunkan satu instrumen penilaian dikenali sebagai **Malaysia Research Assessment Instrument (MyRA)** yang menilai kesediaan universiti dari aspek pengurusan governan, kepimpinan, hala tuju universiti, budaya penyelidikan, infrastruktur terutamanya untuk tujuan penyelidikan, bilangan penyelidik sedia ada serta pengalaman, persekitaran/intelektual ekosistem dan kedudukan kewangan. Oleh yang demikian, status sebagai universiti penyelidikan akan dipertimbangkan jika telah mencapai markah minimum yang telah ditetapkan oleh Kementerian.